# Jenis-Jenis Ihram

Niat ihram ada tiga jenis:

a. Niat ihram haji (haji ifrad)
b. Niat ihram umrah (haji tamattuk)
c. Niat ihram haji dan umrah (haji qiran)

# Ihram Haji - Ifrad

Lafaz Niatnya

**Nawaitul hajja wa ahramtu bihi lillahi ta'ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berniat haji dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta'ala.*

# Ihram Umrah - Tamattuk

Lafaz Niatnya

**Nawaitul umrata wa ahramtu bihaa lillahi ta'ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berniat umrah dan aku berihram denganya kerana Allah Ta'ala.*

# Ihram Haji Dan Umrah - Qiran

Lafaz Niatnya

**Nawaitul hajja wal umrata ahramtu bihimaa lillahi ta'ala**

***Artinya:***

*Sahaja aku berniat haji dan umrah dan berihram dengan keduanya kerana Allah Ta'ala.*

# Niat Ihram Mutlak Dan Ihram Badal

Seseorang boleh berniat dengan ihram mutlak, *(tidak di tentukan niat ihramnya)*. Menentukan niat ihramnya hendaklah dilakukan sebelum memulakan jenis ibadat yang hendak dikerjakan *(haji, umrah atau haji dan umrah). Jika tidak diniatkan, ibadatnya tidak sah.*

# Ihram Haji Mutlak

Lafaz Niatnya

**Nawaitul ihraama lillahi ta'ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berihram  kerana Allah Ta'ala.*

# Ihram Haji Untuk Orang Lain Badal Haji – (Haji Ifrad)

Lafaz Niatnya

**Nawaitul hajja ‘an …………………….. wa ahramtu bihi lillahi ta’ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berniat haji untuk ……………………… dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta’ala.*

# Ihram Umrah Untuk Orang Lain Badal Umrah – (Haji Tamattuk)

Lafaz Niatnya

**Nawaitul umrata ‘an ……………….… Wa ahramtu bihaa lillahi ta’ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berniat umrah untuk ………………….*
*Aku berihram denganya kerana Allah Ta’ala.*

# Ihram Haji Untuk Orang Lain
# Badal Haji Dan Umrah – (Haji Qiran)

Lafaz Niatnya

**Nawaitul hajja 'an …………………….. wa ahramtu bihi lillahi ta'ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berniat haji dan umrah untuk ………………..dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta'ala.*

# Ihram Haji Untuk Anak

Lafaz Niatnya

**Nawaitul ihraama bil hajji ‘an hadzaa lillahi ta’ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berniat ihram haji untuk anak ini gannya kerana Allah Ta’ala.*

# Ihram Umrah Untuk Anak

Lafaz Niatnya

**Nawaitul ihraama bil umrati 'an hadzaa lillahi ta'ala**

***Maksudnya:***

*Sahaja aku berniat ihram umrah untuk anak ini gannya kerana Allah Ta'ala.*

# Memimpin Haji Untuk Anak

1. Pakaikanlah dengan pakaian ihram *(anak lelaki dengan cara ihram lelaki, anak perempuan dengan cara ihram perempuan)*
2. Walinya meniatkan ihram untuknya
3. Anak itu hendaklah dibawa ke semua tempat amalan haji *(Arafah, Muzdalifah, Mina dan tempat-tempat yang perlu)*
4. Melontar boleh dilakukan bersama, demikian juga dengan tawaf dan sa'ie

# Memimpin Haji Untuk Anak (sambung)

5. Walinya hendaklah melakukan dahulu semua pekerjaannya
6. Bercukur boleh dilakukan anak dahulu atau sebaliknya
7. Walinya hendaklah memastikan yang anak itu tidak melanggar semua larangan ihram